



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 22/76**

*Cadangan Perkembalian Tanah Persekutuan Atau Melepaskan Tanah Rizab Persekutuan Untuk
Kegunaan Sesuatu Projek Negeri*

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai cara yang perlu diikuti jika tanah yang diberi milik di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan atau tanah yang dirizabkan untuk maksud Persekutuan dikehendaki untuk kegunaan sesuatu projek Negeri.

2. Adalah didapati perlu bahawa satu cara diadakan untuk menyatakan aitu sesuatu projek Kerajaan Negeri adalah melibatkan atau memerlukan tanah yang digunakan untuk maksud Persekutuan. Dalam kes seperti ini Pemungut-pemungut akan berupaya menentukan luas tanah yang diperlukan samada kesemua atau sebahagian tanah milik atau tanah rizab Persekutuan dan mereka juga akan dapat membekalkan butir-butir mengenai tanah yang berkenaan. Maklumat yang diperlukan itu mahulah dihantar kepada Pejabat ini dengan menggunakan borang di Lampiran 'A'. Satu salinan borang ini perlulah juga dihantar kepada Kementerian yang menduduki atau mengawal tanah yang terlibat.

3. Pemungut-pemungut adalah dengan ini dinasihatkan bahawa apabila sesuatu tanah milik atau tanah rizab untuk maksud Persekutuan diperlukan kesemua atau sebahagiannya untuk sesuatu projek Kerajaan Negeri, borang seperti di Lampiran 'A' hendaklah digunakan untuk memperolehi keputusan sama ada tanah yang berkenaan boleh dikembalikan atau dilepaskan untuk projek Negeri itu.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T.TM 76/69
Kuala Lumpur

Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan,
Jalan Gurney,
Kuala Lumpur

Cadangan Mengguna Kesemua/ekar
Lot Bandar/Pekan/Mukim.....
.....Untuk Projek Negeri

Adalah dicadangkan untuk memperolehi perkembalian/ perlepasan kesemua/..... ekar tanah yang diberi milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan/dirizabkan untuk bagi digunakan untuk projek Negeri seperti berikut:.....
.....

Butir-butir mengenai tanah adalah diturunkan di bawah ini dan satu pelan menunjukkan tanah/ kawasan yang diperlukan adalah dikembarkan bersama-sama ini:

Hakmilik /No. Warta Kerajaan :
No. Lot :
Bandar/Pekan/Mukim :
Luas :
Kegunaan Sekarang :

2. Adalah perlu bahawa perkembalian tanah ini menurut peruntukan-peruntukan Perkara 84/pelepasan rizab ini di bawah Perkara 85 Perlembagaan ditimbangkan. Berikut ialah alasan-alasan untuk menyokong cadangan ini:
.....
.....
.....

Tarikh :

.....
Pemungut Hasil Tanah
Daerah.....